

Ceroboh hutan kerajaan untuk jadikan kebun Musang King

Oleh **Mohd Rafi Mamat** - Mei 20, 2022 @ 11:16am

bhnews@bh.com.my



Jengkaut yang ditemui dalam dalam tanah kerajaan di Sungai Rengat Mukim Ulu Cheka. - Foto NSTP/Mohd Rafi Mamat

JERANTUT: Impian untuk mengusahakan kebun durian Musang King secara haram dalam tanah kerajaan di Sungai Rengat Mukim Ulu Cheka, di sini tidak menjadi kenyataan apabila kegiatan itu dikesan pihak berkuasa.

Intipan anggota Unit Penguat kuasa Barat (UPKB) Zon Pahang Barat Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) kelmarin berjaya mengesan kegiatan yang didalangi individu tempatan.

Penolong Pengarah Kanan Penguatkuasaan (Zon Pahang Barat) JPNP, Shahril Mohamad, berkata ketika serbuan dilakukan pihaknya menemui seorang lelaki berumur 57 tahun sedang membersihkan kawasan hutan menggunakan jengkaut.

Katanya, semakan mendapati kawasan yang dibersihkan seluas kira-kira 30 hektar adalah tanah kerajaan yang terletak bersebelahan dengan Hutan Simpan Jerantut Tambahan.

"Siasatan mendapati individu yang terbabit dengan kegiatan berkenaan turut menebang beberapa pokok balak dan kita menemui 18 tual balak spesies meranti dan sesenduk yang sedia untuk dipindahkan.

"Difahamkan kawasan berkenaan diteroka untuk dijadikan kebun durian Musang King dan tanaman kontan lain oleh seorang individu," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Tindakan tegas boleh diambil Akta Perhutanan Negeri 1984.